

08 JAN 1998

Mahathir-Perwaja

PERWAJA: KES MASIH DITERUSKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kes-kes penyelewengan seperti yang didakwa berlaku dalam Perwaja Steel Berhad akan dibawa ke mahkamah dengan bukti kukuh supaya hukuman berat dikenakan terhadap pesalah.

Beliau berkata tidak ada gunanya jika pesalah dalam kes-kes seumpama itu hanya menerima hukuman ringan seperti penjara satu hari sahaja.

"Bukan senang nak dapat disabit kesalahan di mahkamah. Kebanyakan daripada kes yang berjaya disabit kesalahan, (pesalah) dapat hukuman yang ringan, kurang daripada enam bulan, kadang-kadang satu hari," kata beliau pada persidangan berita selepas melancarkan Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR) di sini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada BPR dalam taklimatnya kepada beliau hari ini ada menyentuh mengenai kes siasatan badan itu terhadap Perwaja.

Sambil berkata beliau telah mendapat laporan awal mengenai kes Perwaja, Dr Mahathir menjelaskan bahawa taklimat itu tidak tertumpu kepada kes berkenaan.

Pada 4 Dis lepas, Ketua Pengarah BPR Datuk Shafee Yahaya dilaporkan berkata siasatan terhadap dakwaan penyelewengan dalam syarikat pengeluar keluli yang membabitkan kerugian terkumpul sebanyak RM2.5 bilion itu hampir selesai dan hanya menunggu proses pembentangan fakta kes sebelum diserahkan kepada Peguam Negara.

Menurut Shafee, BPR telah mengambil keterangan daripada lebih 50 orang berhubung kes itu termasuk bekas Pengarah Urusan Perwaja Tan Sri Eric Chia.

Dr Mahathir berkata beliau percaya BPR telah menjalankan siasatan yang rapi terhadap Perwaja.

Bagaimanapun, kata beliau, bukan mudah bagi BPR untuk mengesan segala butiran yang diperlukan bagi menentukan sama ada kes itu boleh dibawa ke mahkamah atau tidak.

Ketika ditanya mengapa ia tidak mudah, Dr Mahathir berkata: "Kerana tak cukup butir. Kalau nak pergi mahkamah bukan senang.

"Hanya kerana kita sangka atau syak sahaja tak cukup. Kita mesti mempunyai bukti yang kukuh," kata beliau.

"Jadi, kalau kita nak bawa kes macam Perwaja ke mahkamah, dia (hakim atau majistret) beri (hukuman) satu hari sahaja, buat apa. Kita kena ada bukti yang cukup," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada BPR tidak mempunyai kes terhadap Perwaja, Dr Mahathir berkata siasatan BPR terhadap syarikat itu akan diteruskan.

"Tetapi anda mesti ingat yang kita (pegawai BPR) terpaksa pergi ke Hong Kong, Jepun (untuk melakukan siasatan) dan tidak mudah untuk bertanya orang lain. Mereka tidak diwajibkan memberi maklumat kepada kita," kata Dr Mahathir.

Sementara itu, Shafee memberitahu pemberita bahawa siasatan BPR terhadap Perwaja sudah 95 peratus selesai.

"Sesetengah aspek kes itu perlu dirujuk kepada Peguam Negara untuk mendapatkan tafsiran mengenai undang-undang tertentu," kata Shafee.

Kata beliau, laporan kes Perwaja itu belum diserahkan kepada pihak pendakwa raya, terserahlah kepada hasil perbincangan dengan Peguam Negara.

-- BERNAMA

ES ZAI NMO

